

Adakah Malaysia Mengalami Penyahindustrian Pramatang?

oleh Dr Zulkipli Omar

Fello Penyelidik Kanan

Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER)¹

Malaysia telah melalui pelbagai fasa pembangunan ekonomi semenjak merdeka. Bermula dari fasa kebergantungan kepada sektor primer sebagai jentera pertumbuhan ekonomi di era selepas kemerdekaan sehingga ke pertengahan tahun lapan puluhan. Walaupun pertumbuhan ekonomi ketika itu agak baik, namun ianya tidak stabil kerana dipengaruhi oleh keadaan permintaan. Maka harga komoditi mempengaruhi pendapatan negara atau keluaran dalam negara kasar (KDNK). Pertumbuhan ekonomi pula agak pantas berbanding dengan negara membangun yang lain. Ini adalah kerana Malaysia kaya dengan sumber semula jadi.

Untuk tempoh 1970-1988, KDNK benar negara tumbuh pada kadar 6.9% setahun. Di dalam tempoh ini sektor primer masih merupakan jentera pertumbuhan ekonomi. Sektor primer, yakni pertanian dan perlombongan & kuari menyumbang hampir sepertiga dari keseluruhan jumlah pekerjaan negara. Walaupun kadar pertumbuhan tersebut agak tinggi namun ianya dijangka tidak mapan. Ini kerana pertumbuhan produktiviti buruh agak perlahan. Umpamanya untuk tempoh 1982-1988, produktiviti buruh cuma tumbuh pada kadar 2.1% setahun. Pertumbuhan produktiviti buruh yang perlahan disebabkan oleh sektor primer rata-rata bergantung kepada tenaga buruh yang berkepakaran rendah. Maka ekonomi negara pada masa itu perlu melakukan transformasi struktur untuk menjamin kemapanan pertumbuhan ekonomi.

Semenjak penghujung tahun 1980an ekonomi negara melalui proses transformasi kepada perindustrian. Perindustrian memberi makna bahawa sektor pembuatan sebagai jentera pertumbuhan ekonomi. Ini berlaku melalui pembentukan modal di dalam ekonomi berserta peningkatan teknologi. Ekonomi Malaysia melalui fasa perindustrian yang dapat dilihat melalui peningkatan jumlah pekerjaan yang disumbangkan oleh sektor pembuatan. Mulai tahun 1990, sumbangan sektor

¹ Pandangan yang dikemukakan adalah milik pengarang dan tidak semestinya mewakili pandangan MIER.

pembuatan terhadap pekerjaan mencecah 20 peratus, kadar yang tidak pernah dicapai sebelum ini. Menjelang tahun 2000 sektor pembuatan menyumbang hampir seperempat dari jumlah pekerjaan negara, merupakan jumlah tertinggi yang pernah dicatat.

Di samping sumbangan yang tinggi terhadap pekerjaan, sektor pembuatan juga memberi sumbangan yang tinggi terhadap KDNK. Ini juga salah satu dari petunjuk bahawa ekonomi sedang melalui fasa perindustrian. Sumbangan sektor pembuatan terhadap KDNK telah mula mencecah 20 peratus pada tahun 1987, dan terus meningkat sehingga 31 peratus pada tahun 2000 yang merupakan kadar maksimum yang pernah tercatat.

Ekonomi Malaysia tumbuh pada kadar yang pantas semasa fasa perindustrian, umpamanya untuk tempoh 1988-1997 KDNK tumbuh pada kadar 9.2% setahun, sebelum tersekat dengan krisis ekonomi Asia pada tahun 1997. Di dalam tempoh tersebut juga merupakan era kecemerlangan sektor pembuatan di Malaysia, di mana sumbangannya terhadap kedua-dua pekerjaan dan KDNK mencapai tahap maksimum. Selepas tempoh tersebut sumbangan sektor ini terhadap pekerjaan dan KDNK mula menurun.

Transformasi ekonomi kepada fasa perindustrian bukan sahaja meningkatkan kadar pertumbuhan ekonomi, ianya juga membuatkan pertumbuhan lebih mapan. Ini adalah kerana peningkatan produktiviti buruh. Produktiviti buruh tumbuh pada kadar 5.3% setahun untuk tempoh 1988-1997, merupakan pertumbuhan tertinggi berbanding dengan lain-lain tempoh. Sebelum dan selepas tempoh tersebut produktiviti buruh tumbuh pada kadar yang lebih perlahan. Jika dilihat untuk tempoh yang lebih panjang, produktiviti buruh tumbuh pada kadar yang lebih rendah, 2.7% setahun untuk tempoh 1982-2017.

Kini ekonomi Malaysia sedang melalui fasa penyahindustrian (*deindustrialization*), iaitu semenjak akhir 1990an. Ini bermakna sumbangan sektor pembuatan terhadap pekerjaan dan KDNK semakin menurun sehingga kini. Pada tahun 2017, sektor pembuatan menyumbang 17.4 peratus kepada keseluruhan pekerjaan di dalam

ekonomi dan 23 peratus terhadap KDNK. Pada masa yang sama sumbangan sektor perkhidmatan terhadap pekerjaan dan KDNK semakin meningkat.

Namun demikian, transformasi ekonomi kepada fasa penyahindustrian tidaklah salah. Malah ini merupakan jalan yang sama dilalui oleh negara-negara maju. Mereka mentransformasikan ekonomi ke arah penumpuan kepada sektor perkhidmatan. Walau bagaimanapun, adalah dikhuatiri Malaysia melalui fasa penyahindustrian terlalu awal, atau apa yang disebut sebagai penyahindustrian pramatang.

Penyahindustrian pramatang kini berlaku di kebanyakan negara membangun. Ianya berlaku pada peringkat KDNK per kapita yang lebih rendah berbanding dengan apa yang dialami oleh negara-negara maju kini semasa mereka melalui fasa penyahindustrian dahulu. Antara tanda-tanda penyahindustrian pramatang adalah pertumbuhan produktiviti buruh yang rendah.

Apa yang berlaku di kebanyakan negara membangun yang mengalami situasi ini antara lain adalah kehilangan pekerjaan oleh sektor pembuatan diganti oleh sama ada sektor tradisi yang kurang produktif, sektor perkhidmatan yang kurang produktif, sektor tidak formal atau peningkatan kadar pengangguran. Kesemua ini bukan sahaja akan mengehadkan pertumbuhan ekonomi malah akan membantutkan kemapanan pertumbuhan ekonomi kerana penurunan kadar produktiviti.

Jelas, penyahindustrian bukanlah suatu isu kerana ianya adalah fasa biasa yang dialami oleh sesuatu ekonomi di dalam proses pembangunan. Yang menjadi isu dan perlu ditangani dengan dasar yang bersesuaian adalah penyahindustrian pramatang. Ini kerana penyahindustrian pramatang akan mengekang pertumbuhan produktiviti.

Persoalannya adakah Malaysia mengalami penyahindustrian pramatang? Secara umumnya terdapat tanda-tanda demikian. Antaranya, pertumbuhan kadar produktiviti buruh yang lebih perlahan berserta penurunan sumbangan sektor pembuatan terhadap KDNK. Sekiranya pelaburan di dalam sektor pembuatan terus meningkat dengan teknologi yang tinggi berkemungkinan sumbangan sektor ini terhadap KDNK tidak akan menurun seperti apa yang berlaku di Amerika Syarikat, walaupun sumbangannya terhadap pekerjaan menurun.

Justeru dasar yang perlu diterapkan oleh negara untuk menangani isu ini secara umumnya terdiri dari dua kategori. Pertama memastikan pelaburan di dalam sektor pembuatan perlu ditingkatkan dengan penumpuan kepada peningkatan teknologi. Ini akan meningkatkan produktiviti dan sumbangan terhadap KDNK, walaupun sumbangan terhadap pekerjaan menurun. Kedua, memastikan penglibatan ekonomi di dalam sektor perkhidmatan menjurus kepada yang berproduktiviti tinggi.